



**SYED NASIRIN SYED ZAINOL ABIDIN** (dua dari kiri) mewakili kakitangan UMSKAL menyampaikan sumbangan kepada wakil Madrasah Tahniz Al-Quran Sri Merinding, Kampung Layang-Layangan, Labuan, baru-baru ini.

# UMSKAL serah sumbangan

UM 25.2.2015 26

Oleh ASSIM HASSAN

utusansabah@utusan.com.my

**LABUAN 24 Feb.** - Seramai 70 orang pegawai, pensyarah dan kakitangan Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) menyertai program tanggungjawab sosial korporat (CSR) di Madrasah Tahniz Al-Quran Sri Merinding, Kampung Layang-Layangan di sini baru-baru ini.

Pengerusi Jawatankuasa Pelaksana, Prof. Madya Dr. Syed Nasirin Syed Zainol Abidin berkata, program itu diadakan sempena sambutan Maulidur Rasul peringkat UMS dengan penerapan mencontohi peribadi Rasulullah SAW iaitu membantu mereka yang memerlukan.

Beliau yang juga Dekan Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan (FKAL) memberitahu, sempena program itu, UMSKAL menyampaikan sumbangan-sumbangan berupa kabinet dapur, jemuran kain, rak kasut dan meja makan kepada madrasah berkenaan.

"Program ini (CSR) memberi manfaat kepada 60 orang pelajar di madrasah terbabit," katanya.

Dalam program itu, UMSKAL turut menyampaikan sumbangan



**Program tersebut diadakan sempena sambutan Maulidur Rasul peringkat UMS dengan penerapan mencontohi peribadi Rasulullah SAW iaitu membantu mereka yang memerlukan."**

**DR. SYED NASIRIN SYED ZAINOL ABIDIN**  
**Pengerusi Jawatankuasa Pelaksana**

kewangan sebanyak RM1,680 kepada madrasah terbabit.

Yang turut hadir, Timbalan Pendaftar Kanan UMSKAL, Zamri Mohamad Tuah dan Penolong Pendaftar Kanan FKAL, Norhanizah Adnan.

Syed Nasirin berkata, warga UMSKAL juga mengadakan gotong-royong membersihkan kawasan sekitar seperti memotong

rumput dan membina laluan berbukit serta menanam pokok buah-buahan seperti mangga, rambutan dan kelapa.

Beliau berharap sumbangan UMSKAL itu akan membantu majukan madrasah berkenaan serta perkembangan syiar Islam selain merapatkan lagi hubungan baik antara kedua-dua pihak.

"Program itu sesuai dengan hasrat Naib Canselor UMS, Prof Datuk Dr. Mohd. Harun Abdullah untuk memasyarakatkan UMS dengan golongan yang memerlukan," katanya.

Ujarnya, sebagai institusi pengajian tinggi awam (IPTA) tunggal di Labuan, UMSKAL mahu menjalinkan hubungan lebih rapat dengan organisasi yang terbabit secara langsung dengan perkembangan syiar Islam khususnya dalam bidang al-Quran.

Sementara itu, Pengetua Madrasah, Arif Aliskah berkata, pihaknya memerlukan sekurang-kurangnya RM10,000 untuk menampung pelbagai perbelanjaan termasuk gaji tenaga pengajar, makan minum dan keperluan sehari-hari pelajar serta bayaran utiliti.